

## Personaliti Kampus

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

**D**I tengah-tengah landskap kepimpinan mahasiswa yang semakin mencabar, pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Sains Biologi Dengan Kepujian, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Easwaran Vasudavan konsisten dalam menampilkan pemikiran, kematangan membuat keputusan dan komitmen tinggi terhadap kebajikan mahasiswa.

Dia bukan sekadar aktif berpersatuan, malah membina rekod kepimpinan yang progresif dan berteraskan khidmat.

Menurutnya, selepas menggalas tanggungjawab sebagai Timbalan Naib Yang Dipertua Akademik dan Keusahawanan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM bagi sesi 2024/2025, dia kembali menerima mandat mahasiswa untuk sesi 2025/2026 dengan portfolio yang lebih dekat kepada denyut nadi pelajar iaitu Exco Kebajikan dan Kesihatan.

"Peranan ini meletakkan saya di barisan hadapan dalam memastikan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial warga kampus sentiasa terpelihara," katanya kepada *K-Kampus*.

Jelas anak jati Puchong, Selangor berusia 23 tahun itu, asas kepimpinannya telah dibina sejak usia muda, bermula sebagai pengawas sekolah rendah.

Seterusnya, dia memegang peranan penting dalam pengurusan sekolah menengah sebagai pengawas pusat sumber dan penjaga koperasi, sekali gus membina disiplin, kepekaan tanggungjawab dan keyakinan diri secara berperingkat.

"Ketika di tingkatan enam, bakat kepimpinan saya semakin menonjol apabila dipilih sebagai penolong ketua biro protokol dan majlis rasmi Majlis Perwakilan Tingkatan Enam (MPTE).

"Peranan ini menuntut ketelitian, komunikasi formal serta keupayaan mengurus majlis rasmi, sekali gus menjadi latihan awal yang membentuk kecekapan saya hari ini," katanya.



**BAKAT** kepimpinan anak muda ini sudah diasah sejak di bangku sekolah rendah dan seterusnya ke sekolah menengah hingga ke menara gading.

# Easwaran angkat agenda kesejahteraan siswa



**EASWARAN** (tengah) menggalas tanggungjawab sebagai MPP keusahawanan dan kebajikan yang lebih dekat dengan denyut nadi pelajar UPM.

Menurut Easwaran, sejak kecil dia tidak pernah selesa berada dalam posisi pasif.

"Dorongan untuk membantu dan memimpin hadir secara semula jadi. Hal ini kerana saya melihat kepimpinan sebagai ruang untuk memberi nilai dan manfaat kepada orang lain bukan sekadar memegang jawatan.

"Di UPM, kecenderungan saya diperkukuh melalui penglibatan aktif dalam program fakulti, kolej dan pembangunan mahasiswa.

"Portfolio akademik dan keusahawanan yang digalas membuka ruang luas untuk saya memahami realiti hal ehwal akademik, advokasi pelajar, isu beban pengajian, pembiayaan serta dinamika hubungan antara mahasiswa dan pihak pengurusan," katanya.

Tambah Easwaran, pengalaman tersebut mengajarnya erti kepimpinan sebenar di universiti termasuk kebijaksanaan membaca situasi, kepekaan terhadap pelbagai kepentingan dan kematangan dalam berkomunikasi.

Kini, sebagai Exco Kebajikan dan Kesihatan, cabaran yang dihadapi menjadi lebih kompleks dan bersifat kemanusiaan.

"Skop tugas merangkumi kesejahteraan mental, sokongan kesihatan, kebajikan sosial, respons kecemasan serta pembinaan persekitaran kampus yang kondusif dan inklusif," tuturnya.

Easwaran mengakui cabaran sebenar kepimpinan sering berlaku di sebalik tabir termasuk mengimbangi akademik, organisasi, pelbagai jangkaan mahasiswa dan kritikan.

"Saya berpandangan kritikan adalah ruang penambahbaikan dan perbezaan pandangan menjadi peluang memahami perspektif baharu.

"Kepimpinan bukan tentang sentiasa betul tetapi tentang kesediaan mendengar dan belajar," katanya.

Keupayaan menterjemahkan idea kepada tindakan turut terserlah melalui penglibatan Easwaran dalam program berskala besar.

Antara yang menonjol adalah penganjuran STEM Voyage: Igniting Curiosity, Inspiring Futures yang membuka akses pembelajaran sains kepada pelbagai lapisan masyarakat melalui modul forensik, biodiversiti, pendidikan marin dan kepimpinan masa depan.

Selain itu, program Eco-Guardian 2025 di Kampung Orang Asli Hulu Kuang, Rawang bertujuan memperkasa murid sekolah rendah orang asli melalui pendekatan pembelajaran pengalaman yang mesra komuniti dan berteraskan kelestarian.

Inisiatif itu jelasnya mencerminkan keyakinannya bahawa ilmu sains tidak wajar terhad dalam bilik kuliah, sebaliknya perlu dimasyarakatkan secara inklusif.

Jejak kepimpinan Easwaran turut merentasi pentas antarabangsa apabila dia pernah mewakili Malaysia ke The 3rd International Student Leaders Meeting on Sustainability 2025 di University of Szeged, Hungary.

Persidangan tersebut menjadi platform untuk berkongsi inisiatif kelestarian kampus, membincangkan cabaran global dan membina jaringan strategik bersama pemimpin pelajar dari pelbagai negara.

Pengalaman itu menurutnya dapat memperluas perspektif tentang tanggungjawab generasi muda dalam isu kemampanan dunia.

Mengakhiri perkongsian, baginya kepimpinan bukan diukur daripada jawatan tetapi melalui nilai dan kesan yang ditinggalkan dalam kehidupan orang lain.